



UM longgarkan syarat jelas yuran pengajian

Oleh **Nas Norziela Nasbah** - Ogos 19, 2022 @ 12:19pm
bhnews@bh.com.my



Universiti Malaya

KUALA LUMPUR: Pengurusan Universiti Malaya (UM) bersetuju memberi kelonggaran kepada pelajar Ijazah Dasar untuk membuat pendaftaran tanpa bayaran penuh seperti yang dicadangkan, Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM), baru-baru ini.

UM dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan, mengambil kira pandangan dan kebajikan, pelajar boleh membuat pendaftaran bagi semester satu sesi 2022/2023 tetapi perlu menjelaskan yuran sebelum menduduki peperiksaan.

Katanya, kelonggaran itu diberikan kepada pelajar yang menjelaskan tunggakan yuran bagi semester sebelumnya.

"Ini membolehkan pelajar untuk mendaftar kursus dan meneruskan aktiviti pembelajaran dengan lancar.

"UM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meringankan bebanan pelajar, antaranya, melalui pengurangan yuran pengajian, asrama dan aktiviti kolej bermula Semester 2 bagi sesi akademik 2019/2020 sehingga semestersatu 2021/2022," katanya.

BH 16 Ogos lalu melaporkan, KMUM menolak dasar baharu digunakan pihak pengurusan UM yang tidak membenarkan mahasiswa mendaftar kursus sebelum menjelaskan yuran pengajian masing-masing.

Presidennya, Ooi Guo Shen, mendakwa dasar baharu itu mewajibkan pelajar membuat pembayaran penuh yuran pengajian untuk mendapat status pelajar aktif.

Katanya, kegagalan berbuat demikian menyebabkan pelajar tidak dapat mendaftar subjek dan modul mereka pada semester baharu, sekali gus menyebabkan mahasiswa gagal menerima akses, selain tidak boleh menghadiri diri ke kelas pengajian.

Perkara itu turut mendapat perhatian Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) yang sudah mengeluarkan arahan tiada halangan untuk membenarkan mana-mana pelajar UM memulakan sesi pengajian tanpa perlu menjelaskan yuran semasa pendaftaran.